

DUGONG kini turut berdepan ancaman akibat pemburuan dan penangkapan haram selain kehilangan habitat.

JUMLAH DUGONG SUSUT MENDADAK

Ancaman terhadap habitat, ekosistem rumput laut yang kian pupus jeaskan populasi

HM 16/03/24 nls 5

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dibayangi pelbagai kisah mistik mengaitkannya sebagai jelmaan duyung selain air mata haiwan mamalia laut ini boleh dijadikan minyak pengasih ampuh.

Namun fakta saintifik mendapati populasi dugong dikategorikan antara haiwan paling sukar ditemui di dunia kian menyusut mendadak dan berbaki kurang 100 ekor di negara ini.

Jurucakap Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkata, populasi mamalia laut Dugong dilihat semakin mengelir terutama di Kepulauan Mersing, Johor yang menjadi habitat utama haiwan ini.

"Sekurang-kurangnya 19 kes kematiang dugong direkodkan antara 2015 dan 2022 dengan kebanyakannya adalah anak dugong.

"Walaupun tiada anggaran bilangan tepat bagi populasi dugong di Kepulauan Mersing, Johor namun kajian MareCet memaklumkan bahawa populasi dugong di kawasan itu tidak melebihi 100 ekor.

"Ini berdasarkan tinjauan melalui udara sejak 2014 apabila saiz kumpulan dugong yang dilihat tidak pernah melebihi 43 ekor. Kawasan padang rumput laut di Pulau Sibu dan Pulau Tinggi, Johor, dikenal pasti menjadi kawasan ragut penting bagi Dugong.

"Namun disebabkan ancaman terhadap habitatnya dan ekosistem rumput laut yang kian pupus, populasi Dugong turut ter-

jejas," katanya.

Menurutnya, rumput laut penting dalam ekosistem laut bagi menyediakan habitat, tempat berlindung serta sebagai sumber makanan bagi berbagai spesies laut termasuk dugong dan penyu.

"Ia juga berperanan dalam mengurangi kadar karbon dioksida di atmosfera dan memperbaiki kualiti air laut.

Namun ancaman terhadap rumput laut dilihat semakin meningkat akibat perubahan iklim, pencemaran dan aktiviti manusia.

"Dugong kini turut berdepan ancaman akibat pemburuan dan penangkapan haram selain kehilangan habitat.

Bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem laut, penting bagi semua pihak mengambil langkah-langkah konservasi yang tepat.

"Antara inisiatif ke arah konservasi rumput laut adalah restorasi dan rehabilitasi habitat. Kajian awalan propagasi rumput laut secara ex situ sedang giat dijalankan terhadap spesies terpilih bersesuaian dengan potensi lokasi yang memerlukan rehabilitasi habitat rumput laut.

"Dapatkan awal kajian di nurseri Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) mendapati spesies rumput laut Halodule Pinifolia sesuai untuk ditanam semula ke habitat semula jadi bagi tujuan rehabilitasi.


"Kajian yang dijalankan mendapati rumput laut paling banyak ditemukan

di perairan Johor dan kekurangan rumput laut juga telah menjelaskan populasi dugong. Ketika ini Dugong disenaraikan sebagai VU (Vulnerable) di bawah IUCN Red List of Threatened Species," katanya.

Menurutnya, spesis itu juga turut tersenarai sebagai Spesies Terancam Marin di bawah Akta Perikanan Malaysia 1985 dan Peraturan Perikanan (Kawalan Spesies Terancam) (Pindaan) 2008.

"Keunikan serta kesuburan kawasan rumput laut di Johor ini bukan sahaja menyokong kepada kelembutan spesies Dugong. Malah soal-selidik bersama komuniti di sekitar Pulau Sibu-Tinggi juga memaklumkan bahawa keberadaan rumput laut juga memainkan peranan bagi spesies komersial lain terutamanya sotong mangab yang menjadikan perairan Pulau Sibu-Tinggi sebagai kawasan bertelur.

"Walaupun perairan Pulau Sibu dan Pulau Tinggi diwartakan sebagai Taman Laut, namun hanya 38 peratus dugong yang dilihat berada di dalam sempadan Taman Laut. Kebanyakan pasangan ibu dan anak Du-



gong didapati berada di luar kawasan Taman Laut.

"Justeru bagi memastikan spesies ini tidak lepas di Malaysia, Jabatan

Perikanan Malaysia sedang meneliti dan giat dalam mewartakan kawasan perairan sekitar Gugusan Kepulauan Mersing khu-

sus untuk memberi perlindungan kepada spesies dugong dan habitatnya iaitu rumput laut," katanya.

DUGONG

Dugong adalah satu-satunya mamalia laut herbivor yang hidup sepenuhnya di laut



Sekurang-kurangnya 19 kes kematiang dugong direkodkan antara 2015 dan 2022 Jabatan Perikanan Malaysia

Mempunyai jangka hayat yang panjang sehingga 70 tahun

Mempunyai berat antara 250 kilogram hingga 400 kilogram

Dugong diburu selama beribu tahun kerana daging dan minyaknya

Masyarakat barat Sulawesi percaya dugong adalah kelahiran semula perempuan yang meninggal

Ekor dugong menyerupai ekor ikan lumba-lumba

J O H O R

Tanjung Leman

FELDA Tenggaroh 3

Pulau Tinggi

Pulau Sibu

Masyarakat Cina pulau Hainan percaya menangkap dugong boleh mendatangkan bala

Dugong mudah ditemui di Pulau Sibu dan Pulau Tinggi, Johor